SUMBER DAN TAHUN	: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) (2020)
BENTUK	: Poligon
TARIKH KEMASKINI	: 01/05/2020
PENYEDIA DATA	: Betaworks



ATRIBUT DATA		
Nama Medan	Jenis Data	Catatan
Kelas	Character (50)	Nama kelas ketinggian
Ketinggian	Character (50)	Ukuran ketinggian
Luas_Hek	Decimal (10,3)	Keluasan dalam unit hektar

Analisis (Analisis Kecerunan)


STRUKTUR PANGKALAN DATA	: PERANCANGAN/ANALISIS
LAPISAN DATA	: Kecerunan
METADATA PENERANGAN	: Maklumat Analisis Kecerunan Daerah Muar
FORMAT	: .tab
SISTEM UNJURAN	: WGS84
SUMBER DAN TAHUN	: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) (2020)
BENTUK	: Poligon
TARIKH KEMASKINI	: 01/05/2020
PENYEDIA DATA	: Betaworks



ATRIBUT DATA		
Nama Medan	Jenis Data	Catatan
Kelas	Character (50)	Nama kelas kecerunan
Kecerunan	Character (50)	Ukuran kecerunan
Luas_Hek	Decimal (10,3)	Keluasan dalam unit hektar

Analisis (Lot Lidi dan Lot Kecil)


STRUKTUR PANGKALAN DATA	: PERANCANGAN/ANALISIS
LAPISAN DATA	: Lot Lidi dan Lot Kecil
METADATA PENERANGAN	: Maklumat lot lidi dan lot kecil
FORMAT	: .tab
SISTEM UNJURAN	: WGS84
SUMBER DAN TAHUN	: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) (2020)
BENTUK	: Poligon
TARIKH KEMASKINI	: 01/05/2020
PENYEDIA DATA	: Betaworks



ATRIBUT DATA		
Nama Medan	Jenis Data	Catatan
Semasa	Character (50)	Guna tanah semasa
No_lot	Decimal (10,3)	Nombor lot tapak
Luas_h	Decimal (10,3)	Keluasan dalam unit hektar
Area_m	Decimal (10,3)	Keluasan dalam unit meter
Areathery	Decimal (10,3)	Keluasan
Thinratio	Decimal (10,3)	Keluasan Thinratio
Catatan	Character (50)	Penentuan lot lidi dan lot kecil

Analisis (Analisis Kesediaan Fizikal Tanah)


STRUKTUR PANGKALAN DATA	: PERANCANGAN/ANALISIS
LAPISAN DATA	: Kesyediaan Fizikal Tanah
METADATA PENERANGAN	: Kawasan Analisis Kesyediaan Fizikal Tanah
FORMAT	: .tab
SISTEM UNJURAN	: WGS84
SUMBER DAN TAHUN	: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) (2020)
BENTUK	: Poligon
TARIKH KEMASKINI	: 01/05/2020
PENYEDIA DATA	: Betaworks



ATRIBUT DATA		
Nama Medan	Jenis Data	Catatan
Kelas	Character (50)	Nama kelas kesediaan
Kategori	Character (50)	Kategori kesediaan fizikal tanah
Luas_Hek	Decimal (10,3)	Keluasan dalam unit hektar

Analisis (Sempadan Pertumbuhan Bandar)


STRUKTUR PANGKALAN DATA	: PERANCANGAN/ANALISIS
LAPISAN DATA	: Sempadan Pertumbuhan Bandar
METADATA PENERANGAN	: Maklumat Sempadan Pertumbuhan Bandar
FORMAT	: .tab
SISTEM UNJURAN	: WGS84
SUMBER DAN TAHUN	: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) (2020)
BENTUK	: Poligon
TARIKH KEMASKINI	: 01/05/2020
PENYEDIA DATA	: Betaworks



ATRIBUT DATA		
Nama Medan	Jenis Data	Catatan
Keterangan	Character (50)	Nama sempadan bandar
Luas_h	Character (50)	Keluasan dalam unit hektar

Analisis (Analisis Potensi Pembangunan)


STRUKTUR PANGKALAN DATA	: PERANCANGAN/ANALISIS
LAPISAN DATA	: Potensi Pembangunan
METADATA PENERANGAN	: Kawasan Potensi Pembangunan
FORMAT	: .tab
SISTEM UNJURAN	: WGS84
SUMBER DAN TAHUN	: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) (2020)
BENTUK	: Poligon
TARIKH KEMASKINI	: 01/05/2020
PENYEDIA DATA	: Betaworks




ATRIBUT DATA		
Nama Medan	Jenis Data	Catatan
Kelas	Character (50)	Kelas Potensi Pembangunan 1-5
Kategori	Character (50)	Kategori potensi pembangunan
Luas_Hek	Decimal (10,3)	Keluasan dalam unit hektar

7.0 ANALISIS GEOSPATIAL

Diperingkat ini, lapisan data sedia ada digunakan bagi menjana analisis spatial yang akan membantu kajian ini dan dijadikan sebagai asas dalam membentuk strategi dan halatuju pembangunan. Analisis geospasial pada peringkat laporan ini melibatkan beberapa analisis iaitu analisis ketinggian, kecerunan, analisis kesediaan fizikal tanah, analisis kesesuaian tanah, analisis lot lidi dan lot kecil, analisis dan *urban growth boundary* (rujuk rajah 7.1).



Rajah 7.1: Peta Analisis Geospasial
Sumber: UTM-LCARC, 2019




Rajah 7.2: Proses Pembentukan Pelan Analisis dalam Pembentukan Halatuju, Konsep dan Strategi Pembangunan
Sumber: UTM-LCARC, 2019

7.1 ANALISIS KETINGGIAN

Analisis ketinggian penting dan perlu dilakukan sebagai panduan di dalam mengenalpasti, memilih, merancang dan membangunkan kawasan bertanah tinggi. Keadaan topografi kawasan RTD majoritinya adalah dalam kategori tanah rendah atau rata iaitu berketinggian di bawah 150 meter. Ia meliputi kawasan seluas 131,047.92 hektar (94%). Kawasan RTD yang berketinggian di antara 150 meter hingga 300 meter iaitu kategori tanah bukit pula adalah seluas 6,067.31 hektar (4%). Hanya 1,783.18 hektar (1%) daripada kawasan RTD di bawah kategori tanah tinggi dengan puncak tertinggi adalah 590 meter. Kawasan tanah tinggi ini kebanyakannya ini terletak di bahagian timur laut yang meliputi sebahagian Mukim Lenga. Tiada kawasan RTD yang berketinggian lebih daripada 1,000 meter iaitu di bawah kategori gunung (rujuk jadual 7.1).

Jadual 7.1: Analisis Ketinggian Daerah Muar, 2018


Ketinggian	Kategori Ketinggian	Luas (Hektar)	Peratus (%)
0 - 150 m Tanah Rendah	<ul style="list-style-type: none"> Boleh dipertimbangkan untuk semua jenis pembangunan tertakluk kepada Rancangan Tempatan 	131,167.51	94.19
150 - 300 m Tanah Bukit	<ul style="list-style-type: none"> KSAS Tanah Tinggi Tahap 3 Pembangunan terkawal di mana jenis dan <i>intensity</i> pembangunan akan dikawal bergantung kepada ciri-ciri halangan Pembangunan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan syarat kecerunan <15 Darjah 	6,187.31	4.44
300 m - 1000 m Tanah Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> KSAS Tanah Tinggi Tahap 2. Tiada pembangunan atau pertanian dibenarkan. Pembalakan mampan dan pelancongan alam semulajadi berimpak rendah akan dibenarkan bergantung kepada halangan setempat dan kecerunan tidak melebihi 25 Darjah 	1,903.18	1.37
> 1000 m Tanah Gunung	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan untuk sebarang pembangunan, pertanian atau pembalakan kecuali aktiviti pelancongan alam semulajadi yang berimpak rendah, penyelidikan dan pembangunan 	-	-
JUMLAH		139,258.00	100.00



Rajah 7.3: Model Analisis Ketinggian
Sumber: UTM-LCARC, 2019



Rajah 7.4 Analisis Ketinggian Daerah Muar



Sumber: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian)




7.2 ANALISIS KECERUNAN

Kestabilan cerun juga merupakan aspek yang penting di dalam perancangan, kejuruteraan dan juga pengawalan alam sekitar. Cerun yang tidak stabil akan mengakibatkan kejadian tanah runtuh, gelinciran dan lain-lain. Analisis kecerunan penting bagi memastikan perancangan pembangunan dilaksanakan di kawasan yang bersesuaian.


Daripada analisis kecerunan, seluas 135,800.34 hektar (97.65%) kawasan Daerah Muar mempunyai kecerunan kurang daripada 25 darjah iaitu Kelas I dan Kelas II. Kedua-dua kelas ini dikategorikan sebagai kawasan yang dibenarkan untuk semua jenis aktiviti pembangunan. Seluas 2,954.13 hektar (2.12%) adalah kawasan berkecerunan di antara 25 darjah hingga 35 darjah atau Kelas III, iaitu kawasan yang mempunyai pembatasan geoteknikal yang tinggi dan memerlukan pertimbangan serta syarat-syarat pembangunan yang khusus. Hanya 233.53 hektar (kurang 1%) kawasan Daerah Muar mempunyai kecerunan melebihi 35 darjah (Kelas IV), iaitu kawasan yang tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti pembangunan (rujuk jadual 7.2).

Jadual 7.2: Analisis Kecerunan Daerah Muar

KELAS	KECERUNAN	KLASIFIKASI PEMBANGUNAN	LUAS (HEKTAR)	PERATUS (%)
KELAS I Kurang 15 darjah Cerun Landai	Dibenarkan Untuk Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Tertakluk kepada Rancangan Tempatan 	123,865.52	88.95
KELAS II 15 - 25 darjah Cerun Beralun dan Berbukit	Tanah Bukit	<ul style="list-style-type: none"> Kepadatan sederhana. Rekabentuk bangun perlu mengikut alunan cerun bagi mengurangkan pemotongan dan kerja tanah. 	12,114.82	8.70
KELAS III 25 - 35 darjah Cerun Sederhana Curam	Dibenarkan Setelah Mendapat Kelulusan dari Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Geoteknikal	<ul style="list-style-type: none"> Hanya sesuai untuk pembangunan berintensiti rendah. Aktiviti yang bersesuaian. Cerun tanah berisiko runtuh jika melebihi 25 darjah. Melibatkan elemen kerja tanah. 	2,954.13	2.12
KELAS IV Lebih 35 darjah Cerun Curam	Tidak Dibenarkan Untuk Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan sebarang pembangunan. Kritikal untuk keselamatan bangunan dan tapak. 	323.53	0.23
			139,258.00	100.00



Rajah 7.5: Model Analisis Ketinggian
Sumber: UTM-LCARC, 2019



Rajah 7.6

Pelan Analisis Kecerunan Daerah Muar

Petunjuk:

- < 15 Darjah
- 15-25 Darjah
- 25-35 Darjah
- >35 Darjah

Lain-Lain Petunjuk:


- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Lebuhraya (E2)
- Jalan Negeri
- Selat Melaka

Pelan Lokasi




7.3 PAPARAN 3 DIMENSI


Berikut merupakan Paparan Tiga Dimensi (3D) yang menunjukkan bentuk muka bumi fizikal Daerah Muar daripada arah selatan, arah utara dan arah timur (rujuk rajah 7.7, 7.8 dan 7.9)



Rajah 7.7: Paparan Tiga Dimensi (3D) dari Arah Selatan
Sumber: UTM-LCARC, 2019



Rajah 7.8: Paparan Tiga Dimensi (3D) dari Arah Utara
Sumber: UTM-LCARC, 2019




Rajah 7.9: Paparan Tiga Dimensi (3D) Dari Arah timur
Sumber: UTM-LCARC, 2019

7.4 ANALISIS KESEDIAAN FIZIKAL TANAH

Analisis kesediaan atau kedapatan tanah dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan yang boleh dibangunkan dan kawasan yang tidak boleh dibangunkan. Kesediaan tanah merujuk kepada tanah yang masa kini belum dibangunkan dan belum terikat dengan pembangunan.

Bagi menjalankan analisis ini, pendekatan raster model bersaiz grid 3m x 3m digunakan. Operasi analisis akan dijalankan menggunakan ARITMATIK TAMBAH (+) (*Spatial Raster Analysis- Using Multiple Data Sets*). Dengan itu, faktor-faktor kriteria yang terlibat dengan kawasan kesediaan pembangunan akan dikenalpasti melalui nilai (value) yang terdapat pada sel.



Rajah 7.10: Perbezaan Saiz Mempengaruhi Keputusan Analisis
Sumber: UTM-LCARC, 2019


$$\begin{array}{|c|c|} \hline 1 & 2 \\ \hline 4 & 3 \\ \hline \end{array} + \begin{array}{|c|c|} \hline 2 & 3 \\ \hline 1 & 1 \\ \hline \end{array} = \begin{array}{|c|c|} \hline 3 & 6 \\ \hline 5 & 4 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{|c|c|} \hline 1 & 2 \\ \hline 4 & 3 \\ \hline \end{array} \times \begin{array}{|c|c|} \hline 2 & 3 \\ \hline 1 & 1 \\ \hline \end{array} = \begin{array}{|c|c|} \hline 2 & 6 \\ \hline 4 & 3 \\ \hline \end{array}$$

Rajah 7.11: Contoh penggunaan Arimatrik TAMBAH (+) dan Arimatrik DARAB (X) Dalam Persekitaran Grid
Sumber: UTM-LCARC, 2019

Jadual 7.3: Kriteria-Kriteria Yang Mempengaruhi Pembentukan Analisis Kesediaan Fizikal Tanah

KRITERIA	SUB-KRITERIA
Tepubina	Perumahan, Komersial, Industri, Institusi dan Kemudahan Masyarakat, Infrastruktur dan Utiliti, Kemudahan Pengangkutan dan Jalan Serta Tanah Kosong (Tanah Pembangunan)
Komited	Pelan Kebenaran Merancang MP Muar
Kawasan Tanah Tinggi	Ketinggian Kurang 150 Meter Ketinggian 150 - 300 Meter Ketinggian 300 - 1,000 Meter Ketinggian Melebihi 1,000 Meter
Kawasan Cerun	Kecerunan Kelas I (Kurang 15 Darjah) Kecerunan Kelas III (15-25 Darjah) Kecerunan Kelas III (25-35 Darjah) Kecerunan Kelas IV (Melebihi 35 Darjah)
Hutan Simpan	Hutan Simpan Kekal Hutan Simpan Tanah Kerajaan Kawasan Berhutan
Tanah Kosong	Tanah Kosong (Kawasan Pembangunan) Tanah Kosong (Tanah Tidak Diusahakan)
Pertanian	Kesemua Klasifikasi Pertanian (Tanaman, Penternakan dan Akuakultur)
Badan Air	Sungai




Rajah 7.12: Kriteria-kriteria yang mempengaruhi Analisis Kesediaan Tanah
Sumber: UTM-LCARC, 2019

Hasil daripada analisis yang dijalankan didapati 68.77 peratus (95,761.22 hektar) kawasan yang boleh dibangunkan bagi Daerah Muar Ini adalah disebabkan oleh guna tanah pertanian merupakan guna tanah terbesar bagi Daerah Muar. Manakala kawasan yang berhalangan pula sebanyak 8.21 peratus (11,439.23 hektar) daripada kawasan kajian. Kawasan tersebut merupakan kawasan hutan iaitu Hutan Simpan Maokil dan Hutan Simpan Ayer Hitam.




Jadual 7.4: Analisis Kesiediaan Fizikal Tanah

Ketinggian	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Kawasan Boleh Dibangunkan	95,761.22	68.77
Kawasan Boleh Dibangunkan Dengan Syarat	11,439.23	8.21
Kawasan Berhalangan	32,057.55	23.02
JUMLAH	139,258.00	100.00




Rajah 7.13: Model Analisis Kesiediaan Fizikal Tanah
Sumber: UTM-LCARC, 2019



Rajah 7.14
Analisis Kesiediaan Fizikal Tanah

- Petunjuk:
- Kawasan Boleh Dibangunkan
 - Kawasan Boleh Dibangunkan dengan Syarat
 - Kawasan Berhalangan
- Lain-Lain Petunjuk:
- Sempadan Negeri
 - Sempadan Daerah
 - Sempadan Mukim
 - Lebuhraya (E2)
 - Jalan Negeri
 - Selat Melaka




Sumber: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian)

7.5 ANALISIS POTENSI PEMBANGUNAN

Analisis kesesuaian tanah dijalankan bagi mendapatkan gambaran kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan mengikut tahap kesesuaian. Analisis ini juga merupakan lanjutan daripada beberapa siri analisis yang dijalankan sebelum ini iaitu hasil output daripada analisis ketinggian, kecerunan dan kesediaan fizikal tanah, analisis KSAS dan lain-lain lagi.

Pembentukan kawasan kesesuaian pembangunan dijalankan dengan menggunakan teknik *Multicriteria Decision Making (MCDM)*. Kriteria ditentukan berdasarkan matlamat kajian. Tahap kesesuaian pembangunan dibahagikan kepada lima iaitu sangat sesuai, sederhana sesuai, sesuai, kurang sesuai dan tidak sesuai. Bagi menjalankan analisis ini, pendekatan raster model bersaiz grid 3m x 3m digunakan. Operasi analisis akan dijalankan menggunakan ARITMATIK TAMBAH (+). Dengan itu, faktor-faktor kriteria yang terlibat dengan kawasan kesediaan pembangunan akan dikenalpasti melalui nilai (*value*) yang terdapat pada sel. Pemberian nilai pemberat bagi setiap kriteria ditentukan dengan nilai 1 hingga 5 (rujuk rajah 7.15 dan 7.16).




Rajah 7.15: Analisis teknik *Multicriteria Decision Making (MCDM)*
 Sumber: UTM-LCARC, 2019




Rajah 7.16: Skala Nilai Pemberat
 Sumber: UTM-LCARC, 2019

Rajah 1.17: Penentuan Pemberat dan Nilai Skor Menggunakan *Expert Choice*
 Sumber: UTM-LCARC, 2019



Rajah 7.18: Model Analisis Potensi Pembangunan
 Sumber: UTM-LCARC, 2019



Rajah 7.19 Analisis Potensi Pembangunan

- Petunjuk:
- Sangat Berpotensi
 - Sederhana Berpotensi
 - Berpotensi
 - Kurang Berpotensi
 - Tidak berpotensi

- Lain-Lain Petunjuk:
- Sempadan Negeri
 - Sempadan Daerah
 - Sempadan Mukim
 - Lebuhraya (E2)
 - Jalan Negeri
 - Selat Melaka



7.6 ANALISIS LOT LIDI DAN LOT KECIL

Analisis pengenalpastian bagi lot lidi dan lot kecil bagi daerah Muar amat penting bagi membantu pihak berkuasa tempatan dalam mengawal dan membuat keputusan perancangan. Bagi daerah Muar didapati sebanyak 50,169 lot adalah terdiri daripada lot lidi dan lot kecil. Berikut adalah perincian definisi bagi lot lidi dan lot kecil.

LOT LIDI

- Keluasan tanah kurang daripada lima (5) ekar
- Lot berbentuk panjang dan kurus dengan ukuran lebih daripada nisbah 1:5
- 'Thinness ratio' iaitu kurang daripada nilai 0.436
- Kategori guna tanah pertanian bagi kawasan luar bandar dan guna tanah kediaman/ perniagaan bagi kawasan bandar dan pinggir bandar.
- Lot harus berbentuk segi empat, minimum panjang salah satu sisi adalah 65 kaki

14,584 Lot (11,901.47 Hektar)

LOT KECIL

- Keluasan tanah kurang daripada lima (5) ekar
- Lot berbentuk panjang dan kurus dengan ukuran lebih daripada nisbah 1:5
- Lot bangunan berkeluasan kurang daripada satu (1) ekar
- Kategori guna tanah pertanian bagi kawasan luar bandar dan guna tanah kediaman/ perniagaan bagi kawasan bandar dan pinggir bandar.

35,585 Lot (28,697.94 Hektar)

Berikut adalah formula dan contoh pengiraan 'thinness ratio' yang digunakan di dalam pengenalpastian lot lidi dan lot kecil.

Formula =

$$\text{Thinness Ratio} = \frac{\text{Area Measured}}{\text{Area Theoretical}} = \frac{\text{Area Measured}}{\left(\frac{P^2}{4\pi}\right)}$$

Nota:

P= Perimeter Tapak

$\pi = 22/7$


Contoh Pengiraan =

Saiz Lot = 65' x 325'

Ames = 32 x 132 = 21,125 k²

P = 65 + 65 + 325 + 325 = 780

$$\text{Thinness Ratio} = \frac{\text{Area Measured}}{\text{Area Theoretical}} = \frac{21125}{\left(\frac{780^2}{4\pi}\right)}$$



Rajah 7.20 Analisis Lot Lidi dan Kecil



Sumber: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian)

7.7 ANALISIS SEMPADAN BANDAR


Sempadan pertumbuhan bandar merupakan garisan yang menjadi had pembangunan dan pertumbuhan bandar, di mana bagi kawasan di dalam garisan, keutamaan adalah untuk kegunaan dan aktiviti perbandaran secara komprehensif, berkepadatan tinggi dan mempunyai jumlah penduduk optimum. Bagi kawasan di luar garisan keutamaan hendaklah diberikan untuk pemuliharaan alam semulajadi, pengekalan tanah pertanian subur dan pembangunan desa untuk generasi akan datang.

Selain itu, tujuan analisis sempadan bandar dijalankan adalah bagi:

- Memudahkan aspek perancangan bandar serta kawalan bagi rebakan bandar
- Meningkatkan usaha pembangunan infrastruktur secara berpusat
- Membantu mengenalpasti jenis, densiti dan intensiti pembangunan yang bersesuaian dengan potensi bandar
- Meningkatkan penumpuan peluang pekerjaan dan tahap kemudahsampaian perkhidmatan dan kemudahan awam.

Jadual 7.5: Sempadan Urban Growth Boundary

Keterangan	Luas (Hektar)
Muar-Bakri-Pt. Bakar-Pt. Jawa	11,061.00
Pagoh	1,893.34
Pt. Yusuf-Sarang Buaya	398.86



Lapisan Data Yang Mempengaruhi Pembentukan Analisis Bandar





Rajah 7.21: Model Analisis Sempadan Pertumbuhan Bandar
Sumber: UTM-LCARC, 2019


Hasil daripada analisis didapati seluas 2,398.4 hektar Bandar Muar memiliki ciri-ciri U1, U2 dan UR. Manakala Pekan Bakri pula seluas 553.411 hektar memiliki ciri-ciri bagi U1, U2 dan UR.



- KRITERIA:**
1. Tepubina
 2. Komited
 3. Sempadan Bandar
 4. Sempadan Percukaian
 5. Zon Promosi Pembangunan



Urban - Rural Transect




Rajah 7.22

Model Analisis Sempadan Pertumbuhan Bandar Daerah Muar

- Petunjuk:**
- Sempadan Pertumbuhan Bandar
- Lain-Lain Petunjuk:**
- Sempadan Negeri
 - Sempadan Daerah
 - Sempadan Mukim
 - Lebuhraya (E2)
 - Jalan Negeri
 - Selat Melaka

Pelan Lokasi



Sumber: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian)

BAHAGIAN D

PENILAIAN KEMAMAPAN


8.0 PENDEKATAN PENILAIAN KEMAMAPAN

Laporan Penilaian Kemamapan atau *Sustainability Assessment* (SA) adalah satu medium atau proses penilaian yang memastikan objektif, strategi dan cadangan kajian ini akan mencapai objektif pembangunan mampan. Dalam konteks Rancangan Tempatan (RT) penilaian yang dijalankan meliputi beberapa peringkat iaitu pembentukan Objektif RT, Cadangan Awal RT, Strategi RT dan Cadangan Pembangunan RT.

Proses penilaian kemamapan dijalankan supaya RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) ini dapat dilihat secara bersepadu dengan nilai-nilai komponen kajian. Konsep penilaian mampan merupakan suatu pendekatan yang sistematik dan menyeluruh bagi mengimbangkan keperluan Ekonomi, Fizikal-Alam Sekitar, Infrastruktur dan Sosial. Indikator pembangunan mampan perlu dikenal pasti untuk tindakan penyelesaian masalah dan menentukan sasaran sektor-sektor berkaitan.

Penilaian kemamapan dilaksanakan ke atas cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh setiap bidang/ sektor untuk memastikan ianya dapat memberi sumbangan yang positif ke atas pembangunan di Daerah Muar menjelang tahun 2030. Penilaian ini membantu bagi memastikan bagaimana setiap objektif, strategi dan cadangan yang digariskan dalam RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) menjurus kepada pembangunan mampan.

Penilaian kemamapan akan menghasilkan suatu jadual matriks penilaian yang menunjukkan empat (4) tahap penilaian yang dinyatakan mengikut warna iaitu:



- Hijau** untuk perbandingan serasi / memberi impak positif;
- Merah** untuk perbandingan yang menunjukkan kemungkinan konflik / kontras;
- Kuning** untuk perbandingan neutral; dan
- Putih** untuk perbandingan yang tidak berkaitan

8.1 KEPENTINGAN PENILAIAN KEMAMAPAN

Kepentingan penilaian kemamapan dalam penilaian aspek Ekonomi, Fizikal-Alam Sekitar, Infrastruktur dan Sosial adalah seperti berikut :

- i. Penambahbaikan proses penghasilan pelan meliputi pemantapan objektif, cadangan pembangunan dan strategi pembangunan;
- ii. Memastikan pencapaian pembangunan mampan dan memberikan penekanan kepada isu-isu kualiti hidup;
- iii. Menjadi asas pembentukan cadangan-cadangan dan pengemukakan justifikasi dan amalan perancangan yang tersusun; dan
- iv. Menapis cadangan-cadangan yang berkemungkinan bercanggah dengan matlamat pembangunan mampan sebelum kita tiba ke peringkat pelaksanaan projek.

8.2 SKOP KAJIAN

Penilaian Kemamapan ialah satu proses penilaian yang memastikan sesuatu pelan atau rancangan akan mencapai objektif pembangunan mampan dengan skop kajian seperti berikut :

- i. Mengenal pasti isu-isu dan objektif Rancangan Tempatan;
- ii. Menilai konsep pembangunan mampan dari segi ekonomi, fizikal-alam sekitar, infrastruktur dan sosial melalui perncanaan sumberjaya yang mantap, penggunaan sumber yang optimum dan penilaian cadangan yang lebih berkesan;
- iii. Mengkaji, meneliti dan mengambil kira Cadangan Strategi RT dan Cadangan Pembangunan RT yang telah disediakan untuk diselaraskan dalam kajian ini;
- iv. Membuat penilaian kemamapan bagi objektif, cadangan strategi dan cadangan pembangunan;
- v. Mengenal pasti indikator pembangunan mampan untuk tindakan penyelesaian masalah dan menentukan sasaran sektor-sektor berkaitan.

Jadual 8.1: Pendekatan Kajian Penilaian Kemamapan

Maklumat Diperlukan	Sumber	Teknik Analisis	Output Kajian
<ul style="list-style-type: none"> • Isu-isu kemamapan • Objektif dan cadangan awal RT • Cadangan indikator • Indikator dalam laporan MurniNet MPM • Input cadangan sektoral di peringkat analisis dan cadangan 	Sumber sekunder (Laporan-laporan berkaitan)	<ul style="list-style-type: none"> • Analisis kesesuaian indikator kemamapan • Analisis <i>Comparative Advantages</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Isu dan objektif kemamapan • Indikator kemamapan • Jadual perbandingan objektif dan cadangan awal RT dengan objektif kemamapan • Jadual matriks

Jadual 8.2: Peringkat Penilaian Kemamapan

Peringkat	Penilaian	Penyediaan Laporan
Penilaian Kemamapan 1	Objektif RT vs Objektif Kemamapan	Peringkat Laporan Pendekatan Kajian
Penilaian Kemamapan 2	Cadangan Awal vs Objektif Kemamapan	Peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan
Penilaian Kemamapan 3	Strategi Pembangunan vs Objektif Kemamapan	
Penilaian Kemamapan 4	Cadangan RT vs Objektif Kemamapan	Peringkat Draf Rancangan Tempatan

8.3 KONSEP DAN TAKRIFAN PEMBANGUNAN MAMPAN

Takrifan Penilaian Kemamapan (PK) ialah seperti berikut:

- i. Merupakan salah satu kaedah dalam Penilaian Strategik Alam Sekitar (*Strategic Environmental Assessment –SEA*);
- ii. Mengikuti Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonom (*Organisation for Economic Cooperation and Development – OECD*), SEA (dan PK) mempunyai pendekatan analitikal dan penyertaan (*participatory*);
- iii. SEA (dan PK) menyepadukan pertimbangan alam sekitar, social dan ekonomi ke dalam dasar, pelan dan program (DPP) dalam pelbagai bentuk yang berbeza;
- iv. Proses SEA (dan PK) tidak mempunyai kaedah yang tetap tetapi berpandukan tiga prinsip terpenting iaitu berpandukan objektif (*objective-led*), berlelaran (*iterative*) dan berkait keputusan (*decision relevant*).


8.4 LAPORAN PENILAIAN KEMAMPAHAN

Kandungan laporan ini adalah seperti berikut:

- i. Menilai keupayaan serta memperelokkan pelan, dasar atau program dalam mencapai objektif pembangunan mampan;
- ii. Melibatkan masyarakat setempat dan selari dengan *people-centred planning*;
- iii. Kaedah Matriks merupakan kaedah penilaian yang digunakan dalam memastikan objektif-objektif kemampanan yang telah dikenal pasti dalam kajian RTD ini dapat dicapai. Rujukan utama adalah Manual *Sustainability Assessment* dalam Penyediaan Rancangan Tempatan terbitan PLANMalaysia.

9.0 METODOLOGI ANALISIS PENILAIAN KEMAMPAHAN

Berikut adalah metodologi penilaian kemampanan dalam proses penyediaan Rancangan Tempatan Daerah



Rajah 9.1: Peranan Penilaian Kemampanan dalam Proses Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 (Penggantian)
Sumber: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian)

Secara amnya, terdapat empat langkah utama dalam penilaian kemampanan meliputi mengenalpastian isu kemampanan, pembentukan objektif kemampanan, pembentukan kriteria penilaian dan mengenalpastian indikator-indikator kemampanan.



Rajah 9.2: Peringkat-Peringkat Penilaian Kemampanan
Sumber: Kajian RT Daerah Muar 2030 (Penggantian)

10.0 ISU-ISU DAN OBJEKTIF RANCANGAN TEMPATAN

Peringkat pertama dalam pendekatan penilaian kemampuan adalah penilaian objektif rancangan tempatan dengan objektif kemampuan. Terdapat 6 objektif Rancangan Tempatan (RT) yang telah digariskan (rujuk Jadual 5.3.4) ke arah menangani menunjukkan cadangan 55 Isu Kemampuan merangkumi aspek Ekonomi, Fizikal-Alam Sekitar, Infrastruktur dan Sosial (rujuk Jadual 5.26).

10.1 ISU UTAMA RANCANGAN TEMPATAN

Isu- isu utama kemampuan yang telah dikenal pasti antaranya seperti di bawah (rujuk jadual 10.1):

Jadual 10.1: Isu-isu Utama Kemampuan RT Daerah Muar 2030 (Penggantian)

ISU-ISU UTAMA	
EKONOMI	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti penjana ekonomi seperti pendidikan dan pelancongan warisan yang lemah Keluasan hab industri perabot masih tidak mencukupi Aktiviti pertanian dan penternakan yang tidak diusahakan secara komersial Kekurangan peluang pekerjaan yang menarik dan sesuai dengan aspirasi warga tempatan
FIZIKAL - ALAM SEKITAR	<ul style="list-style-type: none"> Lot tanah panjang dan hakmilik kecil, sukar dan hadkan jenis pembangunan Pengusaha masih membina kilang di luar zon industri Pencerobohan hutan simpan Kemasukan air masin ke Sg. Muar sehingga Panchor dan Sg. Mati Pencerobohan rizab sungai Kadar pemendapan air sungai terlalu tinggi Kualiti air sungai yang semakin tercemar Isu banjir di Panchor (10 tahun sekali) Kg. Parit Paya Lebar, Parit Shafie dan Parit Ibrahim di Mukim Sungai Balang Kawasan pelupusan sampah di Bakri telah tepu dan tiada tapak cadangan pelupusan sampah
INFRASTRUKTUR	<ul style="list-style-type: none"> Kesesakan lalu lintas terutamanya di Pusat Bandar Tahap aksesibiliti yang rendah di antara Pagoh – Bandar Muar – Bakri Perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya kawasan liputan bas dan kadar kekerapan perkhidmatan tidak efisien Kurangnya penyediaan laluan pejalan kaki dan berbasikal serta laluan sedia ada yang tidak bersambung dan berterusan ke Pusat Bandar
SOSIAL	<ul style="list-style-type: none"> Migrasi keluar bersih tertinggi Peningkatan harga rumah yang tinggi dan kekurangan rumah mampu biaya Kekurangan kemudahan rekreasi dan tempat tumpuan untuk orang ramai beriadah Kurang kawasan tumpuan (<i>shopping mall, recreational centre, family activity</i>)

10.2 OBJEKTIF RANCANGAN TEMPATAN

Memfokuskan kepada pencapaian wawasan dan matlamat RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) yang telah digariskan. Sebanyak enam (6) objektif telah diwujudkan sebagai pemandu arah kajian yang ingin dijalankan, iaitu (rujuk jadual 10.2):

Jadual 10.2: Objektif RT Daerah Muar 2030 (Penggantian)

KOD	OBJEKTIF RTD
ORT 1	Merancang dan memperkasa pembangunan Daerah Muar agar berdaya saing berasaskan kebitaraan dan sumberjaya sedia ada khususnya bagi sektor pelancongan, pendidikan, perindustrian dan pertanian (<i>competitive</i>);
ORT 2	Memelihara, memulihara, melindungi dan membangunkan sumber semula jadi, sumber warisan Diraja dan budaya sebagai tarikan pelancong (<i>distinctive</i>);
ORT 3	Merancang dan memperkukuh pusat petempatan utama dan kecil mengikut hirarki dan fungsi bandar yang saling menyokong pembangunan Daerah Muar (<i>liveable</i>);
ORT 4	Memelihara kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) bagi mengekalkan keseimbangan ekologi dan memitigasi bencana alam (<i>resilience</i>);
ORT 5	Menambah baik sistem pengangkutan, infrastruktur dan utiliti Daerah Muar melalui penerapan teknologi pintar dan karbon rendah (<i>connected, smart</i>);
ORT 6	Memperkukuh sistem tadbir urus MPM bagi memacu pertumbuhan Daerah Muar ke arah bandar Diraja bersejarah serta hab pengetahuan dan bakat yang berkarbon rendah (<i>governance</i>);

11.0 ISU KEMAMPAHAN DAN OBJEKTIF KEMAMPAHAN

Hasil daripada isu-isu utama yang telah diperolehi melalui FGD dikelompokkan dalam kluster ekonomi, fizikal-alam sekitar, infrastruktur dan sosial maka objektif kemampuan dibentuk untuk menyelesaikan isu kemampuan yang telah ditapis daripada isu-isu utama. Isu yang berulang, isu yang hampir sama, isu yang tidak relevan disingkirkan dengan memilih isu yang berkaitan sahaja. Isu kemampuan (ekonomi, fizikal-alam sekitar, infrastruktur dan sosial) akan memandu pembentukan objektif kemampuan seterusnya asas penilaian sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 11.1 hingga Jadual 11.4.

Jadual 11.1: Isu Kemampuan Ekonomi, Objektif Kemampuan Ekonomi dan Asas Penilaian

ISU KEMAMPAHAN EKONOMI	OBJEKTIF KEMAMPAHAN EKONOMI	ASAS PENILAIAN
Aktiviti penjana ekonomi seperti pendidikan dan pelancongan warisan yang lemah	Memperkukuhkan sektor pendidikan dan pelancongan warisan	Adakah sesuatu cadangan akan memperkukuhkan sektor pendidikan dan pelancongan warisan?
Keluasan hab industri perabot masih tidak mencukupi	Memperkasa hab industri perabot bagi memenuhi permintaan	Adakah cadangan akan memenuhi permintaan hab industri perabot?
Aktiviti pertanian dan penternakan yang tidak diusahakan secara komersial	Meningkatkan nilai tambah dan mengkomersialkan hasil pertanian dan penternakan	Adakah cadangan akan meningkatkan nilai tambah dan mengkomersialkan hasil pertanian dan penternakan?
Kekurangan peluang pekerjaan yang menarik dan sesuai dengan aspirasi warga tempatan	Meningkatkan peluang pekerjaan dibuka kepada warga tempatan	Adakah cadangan membuka peluang pekerjaan khususnya kepada warga tempatan?

Jadual 11.2 : Isu Kemampanan Alam Sekitar - Fizikal, Objektif Kemampanan Alam Sekitar – Fizikal dan Asas Penilaian

ISU KEMAMPANAN FIZIKAL – ALAM SEKITAR	OBJEKTIF KEMAMPANAN FIZIKAL – ALAM SEKITAR	ASAS PENILAIAN
Lot tanah panjang dan hakmilik kecil, sukar dan hadkan jenis pembangunan	Mengawal selia lot-lot kecil atau lot lidi untuk pemajuan yang lebih ekonomik	Adakah cadangan dapat mengawal selia lot-lot kecil atau lot lidi untuk pemajuan yang lebih ekonomik?
Pengusaha masih membina kilang di luar zon industri	Menggalakkan pengusaha membina kilang di zon industri ditetapkan	Adakah cadangan dapat menggalakkan pengusaha membina kilang di zon industri ditetapkan?
Pencerobohan Hutan Simpan Ma'okil dan Hutan Simpan Taman Negeri Paya Gambut Ayer Hitam Utara	Memelihara dan meningkatkan kepelbagaian bio hutan simpan untuk tujuan pelancongan, pendidikan dan eko	Adakah cadangan dapat meningkatkan usaha untuk memelihara dan meningkatkan kepelbagaian bio hutan simpan?
Kemasukan air masin ke Sg. Muar sehingga Panchor dan Sg. Mati	Mewujudkan pengurusan di bawah Jawatankuasa Perancangan Wilayah (JPW) dan menubuhkan badan mengurus dan kawal selia Lembaga Sungai Muar	Adakah cadangan dapat meningkatkan pengurusan dan kawal selia pembangunan di dalam Lembaga Sungai Muar?
Pencerobohan rizab sungai		
Kadar pemendapan air sungai terlalu tinggi		
Kualiti air sungai yang semakin tercemar		
Isu banjir di Panchor (10 tahun sekali) Kg. Parit Paya Lebar, Parit Shafie dan Parit Ibrahim di Mukim Sungai Balang	Mengurangkan dan mencegah risiko bencana dan banjir	Adakah cadangan dapat menyelesaikan masalah banjir di Panchor serta Kg. Parit Paya Lebar, Parit Shafie dan Parit Ibrahim di Mukim Sungai Balang?
Kawasan pelupusan sampah di Bakri telah tepu dan tiada tapak cadangan pelupusan sampah	Mencari tapak atau kaedah baharu alternatif pelupusan sisa pepejal	Adakah cadangan dapat menyelesaikan isu tapak pelupusan?

Jadual 11.3 : Isu Kemampanan Infrastruktur, Objektif Kemampanan Infrastruktur dan Asas Penilaian

ISU KEMAMPANAN INFRASTRUKTUR	OBJEKTIF KEMAMPANAN INFRASTRUKTUR	ASAS PENILAIAN
Kesesakan lalu lintas terutamanya di Pusat Bandar	Mengurangkan kesesakan lalu lintas melalui skim pengurusan trafik dalam jangka masa pendek dan penyepaduan pengangkutan dan guna tanah	Adakah cadangan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas melalui skim pengurusan trafik dalam jangka masa pendek dan penyepaduan pengangkutan dan guna tanah?
Tahap aksesibiliti yang rendah di antara Pagoh – Bandar Muar – Bakri	Mempertingkatkan tahap aksesibiliti di antara pekan-pekan utama dalam Daerah Muar	Adakah cadangan dapat mempertingkatkan tahap aksesibiliti di antara Pagoh – Bandar Muar – Bakri melalui pembinaan jalan lingkar baharu
Perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya kawasan liputan bas dan kadar kekerapan perkhidmatan tidak efisien	Mempertingkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya kawasan liputan bas dan kadar kekerapan perkhidmatan lebih efisien	Adakah cadangan dapat mempertingkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya kawasan liputan bas dan kadar kekerapan perkhidmatan lebih efisien ?
Kurang penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal serta laluan sedia ada yang tidak bersambung dan berterusan ke Pusat Bandar	Meningkatkan penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal bersambung dan berterusan ke Pusat Bandar	Adakah cadangan dapat meningkatkan penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal serta laluan sedia ada agar bersambung dan berterusan ke Pusat Bandar?

Jadual 11.4 : Isu Kemampanan Sosial, Objektif Kemampanan Sosial dan Asas Penilaian

ISU KEMAMPANAN SOSIAL	OBJEKTIF KEMAMPANAN SOSIAL	ASAS PENILAIAN
Migrasi keluar bersih tertinggi	Mengurangkan kadar migrasi keluar melalui penawaran peluang pekerjaan dan peningkatan daya huni	Adakah cadangan dapat mengurangkan kadar migrasi keluar melalui penawaran peluang pekerjaan dan peningkatan daya huni?
Peningkatan harga rumah yang tinggi dan kekurangan rumah mampu biaya	Menggalakkan penyediaan rumah mampu biaya	Adakah cadangan dapat menggalakkan penyediaan rumah mampu biaya
Kekurangan kemudahan rekreasi dan tempat tumpuan untuk orang ramai beriadah	Menambah kemudahan rekreasi dan tempat tumpuan untuk orang ramai beriadah	Adakah cadangan dapat menambah kemudahan rekreasi dan tempat tumpuan untuk orang ramai beriadah ?
Kurang kawasan tumpuan (<i>shopping mall, recreational centre, family activity</i>)	Mempertingkatkan aktiviti seperti <i>shopping mall, recreational centre, family activity</i>	Adakah cadangan dapat mempelbagaikan aktiviti <i>shopping mall, recreational centre, family activity</i> ?

Berdasarkan penemuan di dalam Laporan Pendekatan Kajian, terdapat 6 Objektif RT yang telah digariskan sebagai asas perbandingan bagi penilaian Objektif Kemampanan yang telah dikemukakan. Perincian 18 Objektif Kemampanan yang telah dibentuk sepertimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 11.5 Objektif Kemampanan yang telah dikenal pasti antaranya seperti di bawah:

Jadual 11.5 : Kod Objektif Kemampanan

ASPEK	KOD	OBJEKTIF KEMAMPANAN
EKONOMI	EK1	Memperkuatkan sektor pendidikan dan pelancongan warisan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi
	EK2	Memperkasa hab industri perabot bagi memenuhi permintaan
	EK3	Meningkatkan nilai tambah dan mengkomersialkan hasil pertanian dan penternakan
	EK4	Meningkatkan peluang pekerjaan dibuka kepada warga tempatan
FIZIKAL-ALAM SEKITAR	AS1	Mengawal selia lot-lot kecil atau lot lidi untuk pemajuan yang lebih ekonomik
	AS2	Menggalakkan pengusaha membina kilang di zon industri ditetapkan
	AS3	Memelihara dan meningkatkan kepelbagaian bio hutan simpan untuk tujuan pelancongan, pendidikan dan eko
	AS4	Mewujudkan pengurusan di bawah Jawatankuasa Perancangan Wilayah (JPW) dan menubuhkan badan mengurus dan kawal selia di dalam Lembaga Sungai Muar
	AS5	Menyelesaikan masalah banjir di Panchor serta Kg. Parit Paya Lebar, Parit Shafie dan Parit Ibrahim di Mukim Sungai Balang
	AS6	Mencari tapak atau kaedah baharu alternatif pelupusan sisa pepejal
INFRASTRUKTUR	IN1	Mengurangkan kesesakan lalu lintas melalui skim pengurusan trafik dalam jangka masa pendek dan penyepaduan pengangkutan dan guna tanah
	IN2	Mempertingkatkan tahap aksesibiliti di antara Pagoh – Bandar Muar – Bakri melalui pembinaan jalan lingkar baharu
	IN3	Mempertingkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya kawasan liputan bas dan kadar kekerapan perkhidmatan lebih efisien
	IN4	Meningkatkan penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal serta laluan sedia ada agar bersambung dan berterusan ke Pusat Bandar

Jadual 11.5: Kod Objektif Kemampanan (sambungan)

ASPEK	KOD	OBJEKTIF KEMAMPANAN
	SO1	Mengurangkan kadar migrasi keluar melalui penawaran peluang pekerjaan dan peningkatan daya huni
	SO2	Menggalakkan penyediaan rumah mampu biaya
	SO3	Menambah kemudahan rekreasi dan tempat tumpuan untuk orang ramai beriadah
	SO4	Mempertingkatkan aktiviti seperti <i>shopping mall, recreational centre, family activity</i>

12.0 PENILAIAN KEMAMPANAN 1

12.1 OBJEKTIF RANCANGAN TEMPATAN DENGAN OBJEKTIF KEMAMPANAN

6 OBJEKTIF RANCANGAN TEMPATAN
18 OBJEKTIF KEMAMPANAN

Peringkat pertama dalam pendekatan penilaian kemampanan adalah penilaian objektif rancangan tempatan dengan objektif kemampanan. Terdapat 6 Objektif Rancangan Tempatan (RT) yang telah digariskan dan Jadual 12.1 menunjukkan cadangan 18 Objektif Kemampanan. Matriks Penilaian Kemampanan 1 (Objektif Rancangan Tempatan dengan Objektif Kemampanan) ditunjukkan di dalam Jadual seperti di bawah:-

Jadual 12.1: Matriks Keserasian Objektif RT dengan Objektif Kemampanan

OBJEKTIF RANCANGAN TEMPATAN	OBJEKTIF KEMAMPANAN																	
	EKONOMI				FIZIKAL – ALAM SEKITAR						INFRASTRUKTUR				SOSIAL			
	EK1	EK2	EK3	EK4	AS1	AS2	AS3	AS4	AS5	AS6	IN1	IN2	IN3	IN4	SO1	SO2	SO3	SO4
ORT 1 Merancang dan memperkasa pembangunan Daerah Muar agar berdaya saing berasaskan kebitaraan dan sumberjaya sedia ada khususnya bagi sektor pelancongan, pendidikan, perindustrian dan pertanian (<i>competitive</i>);																		
ORT 2 Memelihara, memulihara, melindungi dan membangunkan sumber semula jadi, sumber warisan Diraja dan budaya sebagai tarikan pelancong (<i>distinctive</i>);																		

Jadual 12.1: Matriks Keserasian Objektif RT dengan Objektif Kemampanan (sambungan)

OBJEKTIF RANCANGAN TEMPATAN	OBJEKTIF KEMAMPANAN																	
	EKONOMI				FIZIKAL – ALAM SEKITAR						INFRASTRUKTUR				SOSIAL			
	EK1	EK2	EK3	EK4	AS1	AS2	AS3	AS4	AS5	AS6	IN1	IN2	IN3	IN4	SO1	SO2	SO3	SO4
ORT 3 Merancang dan memperkukuh pusat petempatan utama dan kecil mengikut hirarki dan fungsi bandar yang saling menyokong pembangunan Daerah Muar (<i>liveable</i>);																		
ORT 4 Memelihara kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) bagi mengekalkan keseimbangan ekologi dan memitigasi bencana alam (<i>resilience</i>);																		
ORT 5 Menambah baik sistem pengangkutan, infrastruktur dan utiliti Daerah Muar melalui penerapan teknologi pintar dan karbon rendah (<i>connected, smart</i>);																		
ORT 6 Memperkukuh sistem tadbir urus MPM bagi memacu pertumbuhan Daerah Muar ke arah bandar Diraja bersejarah serta hab pengetahuan dan bakat yang berkarbon rendah (<i>governance</i>);																		

SIMBOL	PENILAIAN	PENERANGAN
	Perbandingan Positif	Objektif RT menepati Objektif Kemampanan.
	Perbandingan Neutral	Objektif RT tidak memberi apa-apa kesan terhadap Objektif Kemampanan.
	Kemungkinan Konflik	Objektif RT yang dibentuk kontras atau tidak menepati Objektif Kemampanan.
	Tidak berkaitan	Objektif RT tidak berkaitan dengan objektif Kemampanan

12.2 PENEMUAN PENILAIAN KEMAMPAHAN 1

Berdasarkan Jadual 12.1, rumusan penilaian dan pendekatan awal Penilaian Kemampuhan Objektif RT dengan Objektif Kemampuhan adalah seperti berikut:

- ✓ Majoriti setiap Objektif Kemampuhan yang dikemukakan menepati dan selaras - (perbandingan positif) dengan Objektif RT yang telah dicadangkan.
- ✓ Sasaran Objektif Kemampuhan yang dinilai di peringkat awal ini adalah sebagai salah satu garis panduan bagi melihat penyataan objektif RT yang dikemukakan mengambilkira aspek kemampuhan pelbagai aspek.
- ✓ Berdasarkan kepada cadangan objektif kemampuhan ini, penilaian akan dilakukan terhadap Objektif Rancangan yang disediakan bagi menentukan pencapaian objektif RT dalam konteks pembangunan mampan. Penilaian akan dibuat berdasarkan perkaitan objektif RT dalam menyumbang kepada objektif pembangunan mampan
- ✓ Objektif Rancangan Tempatan dilihat memenuhi majoriti objektif kemampuhan yang dicadangkan dan meliputi aspek ekonomi, fizikal (alam sekitar), infrastruktur dan sosial.
- ✓ Secara keseluruhannya, penyediaan objektif RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) tidak bertentangan dan mencapai kehendak objektif kemampuhan. Cadangan-cadangan Objektif Kemampuhan awal yang dicadangkan dapat menyumbang kepada pembangunan mampan untuk kawasan RT Daerah Muar 2030 (Penggantian)
- ✓ Peringkat penilaian kemampuhan 1 dilihat tiada konflik atau kontras. 10.1% dilihat Objektif RT tidak memberi apa-apa kesan terhadap Objektif Kemampuhan dan 6.5% dilihat Objektif RT tidak berkaitan dengan objektif Kemampuhan.
- ✓ Hasil penemuan ini, maka tiada pindaan dibuat ke atas Objektif Rancangan Tempatan.

13.0 PENILAIAN KEMAMPAHAN 2

13.1 CADANGAN AWAL RT DAERAH MUAR 2030 (PENGANTIAN) DENGAN OBJEKTIF KEMAMPAHAN

Peringkat kedua dalam pendekatan penilaian kemampuhan adalah penilaian cadangan-cadangan awal dengan objektif kemampuhan. Secara keseluruhan terdapat 106 Cadangan Awal yang telah diambilkira dan Jadual 13.1 menunjukkan cadangan-cadangan awal tersebut.

Jadual 13.1: Senarai Cadangan Awal

Bil	Cadangan Awal
1.	Memperluaskan aktiviti ekonomi seperti perindustrian di Mukim Jorak (Hab Pendidikan Pagoh-Panchor), Bukit Bakri (MFP) dan Parit Jawa serta aktiviti pelancongan khususnya di Mukim Parit Jawa (pelancongan eko dan warisan) dan Bukit Kepong (warisan) agar dapat mengurangkan jurang perbezaan taburan penduduk antara mukim.
2.	Menggalakkan proses pembangunan ekonomi secara penyahpusatan ke kawasan pusat-pusat petempatan utama (Pagoh dan Bakri) dan kecil bagi menyeimbangkan tahap pembangunan keseluruhan Daerah Muar
3.	Memperluaskan peluang pekerjaan dalam kawasan kajian supaya dapat menyerap pertumbuhan penduduk semulajadi serta dapat mengelakkan migrasi keluar penduduk sedia ada.
4.	Mempelbagaikan aktiviti ekonomi yang berasaskan kemahiran tinggi dan pengetahuan khususnya yang berkaitan dengan sektor utama ekonomi Daerah Muar bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan kemahiran penduduk setempat.
5.	Menggalakkan penawaran program pengajian di Hab Pendidikan Pagoh yang sejajar dengan keperluan pembangunan ekonomi Daerah Muar bagi menarik minat graduan tempatan khususnya dalam sektor pembuatan, pertanian dan pelancongan
6.	Melaksanakan kempen kesedaran berkenaan pelaksanaan konsep masyarakat rendah karbon dan penggunaan teknologi rendah karbon ke arah penjimatan tenaga.
7.	Mempromosi sempadan pertumbuhan bandar (Urban Growth Boundary (UGB) ke arah merencanakan pembangunan dan memelihara tanah pertanian utama, hutan dan sumberjaya ekonomi
8.	Menggalakkan amalgamasi lot tanah Kecil bagi mengoptimumkan penggunaan tanah dan penyediaan infrastruktur sosial
9.	Menubuhkan pasukan kerja (taskforce) yang melibatkan Pejabat Tanah dan MPM untuk meneliti dan menyelesaikan isu dan punca tanah terbiar khususnya berhubung pemilik tanah yang tidak dapat dikesan (Seksyen 115,116,117 Kanun Tanah Negara menyatakan bahawa tanah yang dibiarkan kosong bagi satu jangka masa tertentu 2 tahun bagi tanah bangunan dan 3 tahun bagi tanah pertanian dan industri akan dikenakan tindakan seperti disita, Seksyen 129 (4)(c) Kanun Tanah Negara 1965)
10.	Menjalankan penguatkuasaan terhadap salah guna tanah khususnya untuk aktiviti perindustrian yang beroperasi di atas tanah pertanian dan kawasan di luar zon perindustrian
11.	Merangka mekanisme pemutihan melalui penempatan semula aktiviti industri (salah guna tanah) secara berperingkat ke kawasan perindustrian terancang
12.	Mewujudkan struktur petempatan pelbagai pusat (polycentric) di dalam Daerah Muar melalui penggalakkan pembangunan di Pusat Petempatan Utama (Bandar Universiti Pagoh, Bukit Bakri) dan Pusat Petempatan Kecil (Bukit Pasir dan Pagoh)
13.	Membangunkan kawasan pentadbiran baru berhampiran dengan Jalan Pintasan Muar (FT5) yang disokong dengan pembukaan kawasan petempatan yang berkonsepkan pembangunan bercampur
14.	Penerapan konsep rendah karbon dalam setiap pembangunan melalui konsep Walkable dan Cycling Town yang turut menyokong Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)
15.	Mengoptimumkan penggunaan ruang lantai komersial dengan mengkaji semula piawaian nisbah 10% keperluan rumah kedai bagi setiap cadangan pembangunan bercampur.
16.	Mempelbagaikan aktiviti komersial khususnya hiburan (cineplex, boling, pusat hiburan keluarga dan lain-lain) bagi menarik lebih ramai pengunjung luar dan memenuhi permintaan penduduk Daerah Muar.
17.	Menambahkan keunikan bagi perkhidmatan makanan dan minuman seperti mewujudkan restoran terapung di kawasan berhampiran sungai.
18.	Menyokong penggunaan teknologi hijau seperti rainwater harvesting dan kecekapan tenaga (EE) sebagai langkah penjimatan tenaga elektrik di bangunan komersial.

Jadual 13.1: Senarai Cadangan Awal (sambungan)

Bil	Cadangan Awal
19.	Memutihkan industri haram khususnya di Mukim Sungai Raya dan Sungai Terap melalui perletakan semula ke hab perabot baru di Mukim Bakri atau mempertimbangkan pemberian Kebenaran Merancang Terhad.
